



JABATAN MUFTI NEGERI PERAK

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**KENYATAAN RASMI BIL. 14/2019**

### **PENETAPAN WAKTU SOLAT SUBUH BAGI NEGERI PERAK**

Firman Allah SWT dalam surah An-Nisa' ayat 103:

إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَوْقُوتًا ﴿١٠٣﴾

*“Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan atas orang-orang yang beriman, yang tertentu waktunya.”*

Merujuk pemakluman perubahan waktu solat subuh bagi seluruh kawasan negeri Selangor bertarikh 2 Rabiulakhir 1441H / 29 November 2019 (Jumaat), Jabatan Mufti Negeri Perak dengan ini memaklumkan bahawa waktu solat subuh (dan waktu-waktu solat yang lain) bagi seluruh kawasan negeri Perak adalah **KEKAL** sebagaimana yang termaktub dalam **Takwim Solat 2019M / 1441H** terbitan Jabatan ini.

Oleh itu, masyarakat Islam di seluruh negeri Perak **BOLEH** terus menggunakan jadual waktu solat yang telah disediakan oleh Jabatan Mufti Negeri Perak. Sekiranya terdapat sebarang perubahan, pihak Jabatan ini akan membuat satu kenyataan rasmi dan tindakan sewajarnya untuk memaklumkan perkara ini kepada masyarakat Islam di seluruh negeri Perak dari masa ke semasa.

Sekian, wassalam.

**Disediakan Oleh,  
Jabatan Mufti Negeri Perak, Darul Ridzuan**